

Elaun Modal Bagi Aset Perniagaan



Bersama
SALIHIN ABANG
CA (M), CFP, ATII, B.ACC (IIUM)
Asna Tax Services
Sdn Bhd
www.salihin.com.my



SEBAGAI perunding cukai, saya sering kali berhadapan dengan masalah untuk memberi penerangan berkenaan mengapa pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) menambah semula susut nilai untuk aset dalam pengiraan cukai. Di ruangan ini, saya ingin memberi sedikit penerangan berkenaan dengan elaun modal sebagai ganti susut nilai yang tidak dibenarkan oleh Akta Cukai Pendapatan 1967.

Dalam penjanaian pendapatan perniagaan, syarikat memerlukan aset dalam bentuk jentera, peralatan dan lain-lain. Menurut terma perakaunan, setiap aset mempunyai susut nilai tertentu. Di dalam terma percutaian pula, perbelanjaan susut nilai ini tidak dibenarkan tetapi sebaliknya akan digantikan dengan elaun modal.

Elaun modal adalah satu potongan tahunan yang dibenarkan dalam pengiraan cukai yang diberikan kepada sesebuah perniagaan yang memperolehi harta atau aset perniagaan. Potongan elaun ini diberi sebagai potongan daripada 'Pendapatan Larasan Perniagaan'.

Elaun modal terbahagi kepada dua kategori:

- i) Elaun Permulaan iaitu elaun permulaan daripada kos aset yang hanya diberikan sekali sahaja pada tahun pertama ianya diperolehi.
- ii) Elaun Tahunan iaitu elaun tahunan yang diberikan berdasarkan kepada kadar-kadar yang telah ditetapkan.

ELAUN PERMULAAN

Untuk mengetahui kadar elaun permulaan, kita seharusnya mengenali pasti dahulu pengkhususan industri di mana aset berkenaan digunakan. Ini kerana, setiap industri memerlukan penggunaan yang lebih lasak dan akan mengurangkan jangka hayat aset tersebut.

Elaun permulaan diberi pada tahun pertama syarikat memperolehi aset perniagaan dan diperuntukkan sekali sahaja sepanjang jangka hayat aset tersebut digunakan dalam perniagaan syarikat. Jika aset itu dipindah milik, syarikat yang memperolehinya tidak boleh menuntut elaun permulaan, namun ia boleh menuntut elaun tahunan jika aset itu masih mempunyai baki nilai elaun. Jadual 1 adalah kadar bagi jenis-jenis aset mengikut pengkhususan industri.

Bukan semua aset boleh dituntut elaun permulaannya. Misalnya aset yang tidak digunakan dalam perniagaan yang dikecualikan cukai dan terus digunakan dalam perniagaan tidak diberikan elaun permulaan kerana tidak terbahagi dalam perniagaan. Begitu juga aset yang digunakan dalam perniagaan yang dikecualikan cukai dan terus digunakan selepas tamat tempoh pengecualian cukai. Selain itu, aset yang digunakan di luar

Malaysia dan kemudiannya dibawa masuk dan digunakan dalam perniagaan di Malaysia juga tidak boleh menuntut elaun permulaan.

ELAUN TAHUNAN

Sepertimana aset akan disusut nilai mengikut jangka hayatnya, begitu juga ia akan diberi elaun sepanjang jangka hayat penggunaannya. Kadar yang diberi adalah berdasarkan jangka hayat aset tersebut digunakan dalam spesifik industri. Aset yang digunakan dalam industri pembalakan atau perlombongan memerlukan penggunaan aset secara lasak berbanding aset yang digunakan dalam industri perkhidmatan.

Oleh itu, kadar elaun tahunan bagi industri berat akan diberikan lebih tinggi dan jangka penggunaan elaun tahunan akan dipendekkan. Bagi industri ringan pula, aset perniagaan akan diberi kadar elaun yang lebih rendah dan jangka penggunaan elaun tahunannya adalah lebih panjang.

Jadual 2 adalah kadar yang telah ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dalam Jadual 3 Akta Cukai Pendapatan 1967.

SYARAT UNTUK LAYAK MENUNTUT ELAUN MODAL

Sebelum kita boleh menuntut

Jadual 1: Kadar Jenis-jenis Aset Mengikut Pengkhususan Industri

LOJI, JENTERA DAN LAIN-LAIN ASET	ELAUN PERMULAAN
Industri Pembinaan	30%
Industri Pembalakan	60%
Industri Perlombongan Timah	60%
Lain-lain Industri	20%

elaun modal beberapa syarat perlu dipenuhi. Ini adalah untuk mengelak daripada tuntutan yang tidak dibenarkan. Implikasi cukai terhadap elaun modal adalah penting terutama kepada syarikat-syarikat yang mempunyai aset yang banyak seperti industri perkilangan dan perkapalan. Secara amnya, syarat-syarat untuk menuntut elaun modal adalah seperti berikut:

- Penuntut elaun modal/pembayar cukai menjalankan perniagaan dalam tempoh asas.
- Aset telah digunakan untuk perniagaan itu.
- Berkaitan dengan aset itu,

Jadual 2: Kadar yang Ditetapkan Oleh LHDN

INDUSTRI	LOJI & JENTERA ELAUN TAMBAHAN	ELAUN TAHUNAN
Industri pembinaan	30%	30%
Industri Pembalakan	60%	60%
Industri Perlombongan Timah	60%	60%
Lain-lain Industri	20%	20%

beliau telah melakukan perbelanjaan yang layak dalam tempoh asas itu atau sebelum tempoh asas itu.

- Pada akhir tempoh aset itu, beliau adalah pemilik aset itu dan aset itu masih digunakan.

BAJET 2009

Dalam bajet 2009, terdapat beberapa cadangan berkaitan elaun modal telah dibangkitkan. Antaranya adalah elaun modal dipercepatkan 100% diberikan dalam tahun yang dibeli. Aset yang layak mendapat elaun modal 100% adalah seperti berikut:

- Bas baru yang dibeli oleh pengusaha bas (T.T. 2009 hingga 2011).
- Peralatan ICT termasuk komputer dan perisian (T.T. 2009 hingga 2013).
- Loji dan jentera yang dibeli oleh industri kecil dan sederhana (T.T. 2009 hingga 2010).
- Peralatan kawalan keselamatan yang dipasang di premis perniagaan (T.T. 2009 hingga 2012).

Contoh Pengiraan Elaun Modal

Contoh 1

Muntaka Conglomerate Sdn Bhd terlibat dalam industri pembalakan dan telah melaburkan RM65 000 dalam pembelian jentolak baru untuk perniagaannya. Mereka juga membeli jentolak lama daripada Zamri Automotive Sdn Bhd dengan harga kos RM40 000.

Bagi T/T 2008, Elaun Permulaan dan Elaun Tahunan boleh dituntut seperti berikut:

Aset	Kos RM	Elaun Permulaan (60%) RM	Elaun Tahunan (14%) RM	Jumlah RM
Jentolak (baru)	65,000	39,000	9,100	48,100
Jentolak (lama)	40,000	Tiada	5,600	5,600

[Elaun permulaan bagi jentolak lama tidak boleh dituntut kerana elaun permulaan bagi aset tersebut telahpun dituntut oleh Zamri Automotive Sdn Bhd sewaktu di tahun awal penggunaannya]

Akta Cukai Pendapatan memberi kelebihan kepada pembayar cukai yang mempunyai aset-aset bernilai kecil (kos bawah RM1,000) untuk mendapat elaun tuntutan khas. Kelebihan elaun khas ini adalah ia membolehkan syarikat menuntut kadar elaun sepenuhnya (100%) pada tahun tersebut dan juga dapat meningkatkan jumlah elaun yang boleh ditolak daripada Pendapatan Larasan Perniagaan.

Contoh 1

Citra Kasih Sdn Bhd (CKSB) memperoleh 12 aset berikut dan menggunakannya dalam perniagaan peralatan sukan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran 2008. CKSB ingin menuntut elaun khas bagi aset bernilai kecil untuk tahun taksiran 2008.

Bagi T/T 2008, Elaun Permulaan dan Elaun Tahunan boleh dituntut seperti berikut:

Aset	Kos RM	Elaun Khas (100%) RM
Mesin daftar tunai	950	950
Set televisyen	1,000	1,000
Pemain DVD	850	Dikeluarkan
Mesin faksimili	1,000	1,000
Sistem telefon	1,000	1,000
Set sofa	999	999
Telefon bimbit	980	980
Almari perhiasan	1,000	1,000
Kabinet	960	960
Penyaman udara	985	985
Jumlah Aset	9,724	8,874

KESIMPULAN

Dalam regim sistem taksiran sendiri (STS) adalah penting bagi pembayar cukai agar mengetahui syarat-syarat untuk menuntut elaun modal. Kesilapan mungkin memberi implikasi terhadap penalti cukai yang bakal dikenakan. Di samping itu, pembayar cukai hendaklah mengambil peluang daripada insentif elaun modal dan elaun modal yang dipercepatkan untuk merancang percukaian mereka. **US**

PERCUMA!
KLINIK CUKAI.
 Walk-in Consultation (setiap Jumaat)
 • 9.00 pagi – 12.00 tengahari
 • 2.00 petang – 5.00 petang

atau email:
 info@salihin.com.my (24 jam)
 Sila hubungi untuk temujanji anda
 di talian 603 61874678
 atau email kami sekarang!!

** Tertakluk kepada terma dan syarat